

Sinar Harian m/s 1

Spesies Mahseer India

Mahseer adalah nama biasa bagi merujuk ikan dalam genus *Tor*, *Neolissochilus* dan *Nazirtor* yang tergolong dalam keluarga besar *Cyprinidae* (ikan kap). Walau bagaimana pun nama *mahseer* lebih sinonim atau lebih menjurus kepada spesies genus *Tor*. Di negara kita, *mahseer* ini lebih merujuk kepada ikan kelah.

Pengelasan taksonomi *mahseer* adalah mengelirukan berikutan variasi morfologi yang dipamerkan oleh spesies ini. Spesies pertama dari kumpulan (*mahseer*) ini telah secara

saintifik digambarkan oleh Francis Buchanan-Hamilton pada tahun 1822, dan pertama kali disebut dalam cabaran memancing dalam Majalah *Oriental Sporting* pada tahun 1833, dan kemudiannya menjadi buruan kegemaran pemancing British yang menetap di India.

Ikan *mahseer* amat sinonim dengan negara India kerana nama *mahseer* itu sendiri dipetik dari bahasa India iaitu mahasir atau ahaser. Sementara pemancing British yang menetap di India menamakan kumpulan ikan *mahseer* ini sebagai salmon India.



India menamakan kumpulan ikan *mahseer* ini sebagai salmon India.

Terdapat banyak spesies dan sub spesies *mahseer* di India dan berikut merupakan spesies yang diiktiraf oleh saintis India.

1. *Golden mahseer* (kelah emas) atau nama binomialnya *Tor putitora* ditemui di sungai-sungai Himalaya.

2. *Blue Fin mahseer* atau *Deccan mahseer* (kelah biru) atau nama binomialnya *Tor khudree* pertama kali digambarkan oleh Sykes dari timur sungai Mota Mola Pune. Spesies ini juga ditemui di sungai-sungai lain di Deccan Plateau.

3. *Red finned mahseer* (kelah sirip merah) atau nama binomialnya *Tor tor* ditemui di sungai-sungai India tengah.

4. *Chocolate mahseer* atau *copper mahseer* (tengas?) atau nama

binomialnya *Neolissochilus hexagonolepis* banyak terdapat di rantau Himalaya dan Semenanjung India.



Under 15 Roof: hentian rawat kekili dinihari

5. *Malabar Mahseer* atau nama binomialnya *Tor malabaricus* ditemui di Ghats Barat

6. *Orange fin mahseer* atau *humpback mahseer* boleh ditemui di Sungai Cauvery dan cawangannya. Spesies ini masih belum diberi nama saintifik dan sebelum ini dirujuk sebagai *Tor Mussalah*, nama yang tidak diterima oleh beberapa ahli taksonomi. Hasil penyelidikan terkini menunjukkan bahawa spesies ini (yang terbesar daripada genus *Tor* mampu mencapai melebihi 45 kg) boleh menjadi terancam walaupun ia tidak lagi tertera pada Senarai Merah IUCN. spesies ini boleh layak untuk menjadi "fauna mega" oleh IUCN dan sangat memerlukan pemuliharaan dan pengurusan stoknya.

